

**Kerjasama Ekonomi Di Sempadan Malaysia-Thailand Perlu Diperkukuh - Raja Muda Perlis**  
**Bernama**  
**7 Januari, 2013**

KANGAR, 7 Jan (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu kerjasama ekonomi di kawasan sempadan Malaysia dan Thailand diperkukuh melalui pelbagai ruang selain meningkatkan promosi bersama dalam sektor pelancongan.

Baginda bertitah hubungan Malaysia dan Thailand begitu rapat terutama bagi wilayah dan negeri yang bersempadan dan ia pastinya akan memudahkan kerjasama itu melalui komitmen dan strategi bersama.

Bertitah pada majlis menghadap delegasi pentadbiran daerah Sadao, Thailand yang diketuai Timbalan Gabenor Songkhla, Surakphon Phanatamon di Galeri Diraja Istana Arau pada Isnin, baginda berharap bayangan negatif seperti ancaman keselamatan di wilayah dan negeri bersempadan perlu dipadamkan melalui usaha berterusan mengawal ancaman itu oleh pihak berkuasa kedua-dua negara.

"Faktor keselamatan perlu menjadi keutamaan di kedua-dua negara," titah baginda kepada delegasi 25 pegawai kanan itu yang turut disertai Pegawai Daerah Sadao Chamlong Kraidith.

Baginda yakin kunjungan para pegawai Thailand ke Perlis menjadi salah satu platform mengeratkan jalinan persahabatan di samping menyuburkan semangat saling memahami dalam pelbagai aspek termasuk agama, budaya, ekonomi dan sosial.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=919834>